

# KL, Hanoi tingkat kerjasama isu tangkapan ikan haram

**Perdana** Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Vietnam, Vo Van Thuong, bersetuju meningkatkan kerjasama bagi menangani aktiviti penangkapan ikan secara haram di perairan Malaysia.

“(Malaysia) mendapatkan kerjasama dan komitmen yang ber-

terusan dari Vietnam dalam usaha memerangi aktiviti penangkapan ikan secara haram di perairan Malaysia,” kata Perdana Menteri.

Kedua-dua pemimpin turut membincangkan isu Laut China Selatan dan bersetuju mematuhi sepenuhnya Deklarasi Tatalaku

Pihak Berkepentingan sambil menggesa diwujudkan Kod Tatalaku di Laut China Selatan.

Pemimpin kedua-dua negara itu mengadakan pertemuan pada acara sampingan di luar Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC.

Dalam pertemuan itu, kedua-dua negara bersetuju meningkatkan kerjasama bagi menangani aktiviti penangkapan ikan secara haram.

Perdana Menteri turut mengulangi jemputan kepada Presiden Vietnam untuk mengadakan Lawatan Negara ke Malaysia pada 2024.

Anwar berkata, dalam pertemuan itu mereka turut membincangkan kaedah meningkatkan perdagangan dan kerjasama antara Malaysia dan Vietnam.

Hanoi rakan dagangan ke-12 terbesar Malaysia pada peringkat dunia serta yang keempat negara dalam blok ASEAN selepas Singapura, Indonesia dan Thailand.

Pada 2022, nilai dagangan dua hala terus meningkat 16.4 peratus kepada AS\$19.44 bilion berbanding AS\$16.7 bilion pada 2021 dan dari segi pelaburan, Malaysia adalah pelabur ke-10 terbesar Vietnam selepas Singapura



Anwar dan Thuong bertemu pada acara sampingan di luar Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC, semalam. (Foto BERNAMA)

dan Thailand.

Vietnam juga meminta Malaysia memudahkan kemasukan produk halal dari negara itu dan menjalin kerjasama dalam pen-sijilan halal.

Anwar berkata, Hanoi turut mengucapkan terima kasih kepada negara kerana melatih pegawai-nya di bawah Program Ker-

jasama Teknikal Malaysia.

“Vietnam menyarankan agar diadakan kerjasama bandar berkembar antara negara itu dengan Malaysia,” katanya.

Kedua-dua pemimpin mengesahkan kesatuan dalam ASEAN dan mengulangi sokongan terhadap Laos sebagai Pengerusi ASEAN pada 2024.